

**GARIS PANDUAN KEPADA JKR(E) NEGERI
UNTUK KERJA-KERJA PERKHIDMATAN
PEMERIKSAAN PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH
ORANG KOMPETEN BAGI MEMATUHI
PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994**

**GARIS PANDUAN KEPADA JKR(E) NEGERI UNTUK KERJA-KERJA
PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH ORANG
KOMPETEN.**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada **syarikat-syarikat Kontraktor Perkhidmatan Elektrik** yang terdiri daripada Jurutera Perkhidmatan Elektrik/ Jurutera Elektrik Kompeten/ Penyelia Elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga dan mempunyai pendaftaran yang sah semasa sebutharga ditutup. **(Menggunakan peruntukan Objek 29000 yang diagihkan)**
2. Kaedah carian **syarikat-syarikat Kontraktor Perkhidmatan Elektrik yang berdaftar dengan ST** adalah masuk ke laman web <http://www.st.gov.my> kemudian masuk bahagian 'listings', klik list of registered contractor (electrical works), kemudian klik contractor, cari **electrical service contractor**.
3. Setiap pemeriksaan pemasangan yang dibuat oleh orang kompeten mestilah disahkan kehadirannya oleh wakil JKR samada melalui catitan pada buku log atau hadir sama semasa kerja pemeriksaan.
4. Kontraktor perlu mengemukakan laporan seperti Borang I dan digalakkan mengemukakan senarai semak tambahannya atau laporan tambahan sekiranya wajar.
5. Orang kompeten hendaklah memeriksa pemasangan, merekod dan menghantar kepada JKR semua penemuan dan pengesyorannya sebulan sekali.
6. Pihak JKR perlu mengusahakan atau memastikan semua premis Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai buku log sebelum kerja-kerja pemeriksaan oleh orang kompeten dibuat.
7. Bagi kerja-kerja pemeriksaan di premis KPM, pihak kami menghadkan agar pihak tuan dapat menyediakan **maksimum 30 premis** dalam satu sebutharga dan disarankan sebutharga tersebut hanya merangkumi satu daerah sahaja supaya penjimatan dari segi kos dan memudahkan kerja-kerja pemantauan oleh wakil JKR.

8. Dokumen sebutharga perlu mengandungi maklumat mengenai saiz pemasangan (Papan suis Utama) seperti Lampiran A yang dinyatakan dalam ssenarai kuantiti.
9. Sila rujuk Peraturan 67 dan Peraturan 110(4), Peraturan-peraturan Elektrik 1994.
10. Pihak KJEN perlu menganalisa dan mengusahakan tindakan susulan dengan segera pada setiap laporan dan kemukakan laporan keberkesanan perlaksanaan sebutharga ini kepada UPSE, CKE Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk tindakan lanjut.

NOTIS SEBUTHARGA

SEBUTHARGA JKR () NO:.....

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH ORANG KOMPETEN BAGI MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994 UNTUK 30 BUAH SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KEDAH.

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Syarikat –syarikat KontraktorPerkhidmatan Elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.
2. Borang Sebutharga boleh didapati dari tarikh.....hingga..... di pejabat..... dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/bank deraf berharga RM yang dibuat di atas nama Pengarah, JKR.....
- *3. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina padajam Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di pejabatpada tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Bagi maksud ini Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa Surat Pendaftaran Asal Suruhanjaya Tenaga atau salinan yang diakui sah oleh Ketua pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga.
5. Borang Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari(tarikh).

.....
Tandatangan

Nama Penandatangan:

Jawatan:

Tarikh:

* Potong jika tidak diperlukan

--	--

DISAHKAN BETUL



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

DOKUMEN SEBUTHARGA

UNTUK


**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN
PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH ORANG KOMPETEN
BAGI MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK
1994 UNTUK 30 BUAH SEKOLAH RENDAH DI NEGERI
KEDAH.**

Nombor Sebutharga :

Tarikh Sebutharga Dipelawa :

Tarikh Sebutharga Ditutup :

Kelayakan Kontraktor : Syarikat –syarikat Kontraktor Perkhidmatan
Elektrik yang berdaftar dengan
Suruhanjaya Tenaga.



KETUA JURUTERA ELEKTRIK NEGERI,
CAWANGAN KEJURUTERAAN
ELEKTRIK,
JKR NEGERI KEDAH.

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan ☒ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) Jika ada	☐	☐
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) Jika ada	☐	☐
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Suruhanjaya Tenaga	☐	☐
4.	Borang Sebutharga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	☐	☐
5.	Borang Maklumat Penyebutharga	☐	☐
6.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutarga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebutarga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.(jika ada)
Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
	Tandatangan:
	Nama:
	Jawatan:
	Tarikh:

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK PENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebutharga

- i) Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-
 - (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
 - (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga,
 - (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
 - (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
 - (e) Butir-butir Spesifikasi. (jika ada)
- ii) Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut harga

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut harga serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Pentender hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Dokumen Sebutharga ini dijual dengan harga RM..... (Ringgit Malaysia: Sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

* *Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebutharga*
* *Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.*

ADDENDUM NO.1 KEPADA LAMPIRAN A1

1. Mukasurat 1, perkara 2.2 Penyediaan Sebutharga

Tambahan ayat seperti dibawah

Kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan dokumen – dokumen berikut bersama sebut harga :

- (a) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan penyebut harga bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga dan
- (b) Laporan bank / institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan pentender, atas format seperti BORANG CA, dalam satu sampul berlakri (jika ada)

(Nota : Pihak kontraktor perlu mengemukakan perkara (a) untuk memastikan sebutharga adalah layak untuk dinilai. Walau bagaimanapun, penyebut harga boleh mengemukakan kombinasi dokumen (a) dan (b) untuk memastikan asset mudah cair pentender tidak kurang dari 1.5% anggaran jabatan.)

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....
.....
.....

Atas sifat:.....

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butirbutir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota – nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butirbutir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- *3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undangundang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

(i) Suruhanjaya Tenaga

* Potong jika tidak diperlukan

- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerjakerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyediaan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahannya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan

surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

ADDENDUM KEPADA LAMPIRAN A2, PERKARA 11

1. Mukasurat 4, Perkara 11

Gantikan dengan ayat seperti dibawah:

- 11.1. Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- a. Peruntukan mencukupi;
 - b. Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperolehi terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal; dan
 - c. Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM100,000 hendaklah dirujuk untuk kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.
- 11.2 Pegawai Inden hanya boleh mengeluarkan arahan perubahan kerja sekiranya mendapat kelulusan daripada jawatankuasa sebut harga.

BORANG SEBUTHARGA

Sebutharga Bil.....

.....
.....
.....
.....

Tuan,

Sebutharga untuk **KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH ORANG KOMPETEN BAGI MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994 UNTUK 30 BUAH SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KEDAH.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga Syarat-syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:
.....(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....20....

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

.....

.....

.....

.....

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cap Kontraktor

JADUAL KUANTITI DAN HARGA

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH ORANG KOMPETEN BAGI MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994 BAGI MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994 UNTUK 30 BUAH SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KEDAH.

NO. SEBUTHARGA :

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
A	<u>KERJA-KERJA PERMULAAN DAN KEHENDAK AM</u>			
1	Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana / kemalangan dan kerosakan harta benda) dan Polisi Insuran Kerja.	1 Lot	Harga Pukal	
2	Menyediakan Jadual Perancangan Kerja untuk 30 premis yang terlibat dalam tempoh 6 bulan (Julai - Disember).	1 Lot	Harga Pukal	
JUMLAH KECIL 'A'				

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
B	<u>PEMERIKSAAN TETAP OLEH ORANG KOMPETEN</u>			
1	Menyediakan tenaga kerja kepakaran untuk menjalankan kerja-kerja lawatan dan pemeriksaan ke premis-premis yang mendapatkan bekalan tenaga kurang 600 volt dan gear suis berkadaran pada atau lebih 100 Ampere dengan kekerapan satu bulan satu kali . Sila rujuk Lampiran A bagi senarai premis terlibat dan mematuhi Peraturan 67(1) (a) dan 67(2) (a), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Menyediakan laporan lawatan premis-premis setiap bulan mengikut Format Borang I, Peraturan 68 Akta Bekalan Elektrik 1990 dan gambar keperluan pembaikan di tapak. Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan pada Borang I tidak mencukupi. Borang I seperti dilampirkan.		 Per/ premis	
2	Menyediakan tenaga kerja kepakaran untuk menjalankan kerja-kerja lawatan dan pemeriksaan ke premis-premis yang mendapatkan bekalan tenaga melebihi 600 volt tetapi tidak melebihi 11,000 volt dengan kekerapan satu bulan dua kali . Sila rujuk Lampiran A bagi senarai premis terlibat dan mematuhi Peraturan 67(1) (b) dan 67(2) (b), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Menyediakan laporan lawatan premis-premis setiap bulan mengikut Format Borang I, Peraturan 68 Akta Bekalan Elektrik 1990 dan gambar keperluan pembaikan di tapak. Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan pada Borang I tidak mencukupi. Borang I seperti dilampirkan.(sistem 11kV)		 Per/ premis	
3	Menjalankan kerja-kerja Penatahan bagi Gganti Perlindungan IDMT Overcurrent dan Earth Fault Relay untuk SSB dan MSB. (jika perlu di atas persetujuan Pegawai Inden selaras dengan Peraturan 110(4), Peraturan-peraturan Elektrik 1994 yang mana perlu ditatah sekurang-kurangnya 2 tahun sekali)	1 lot	Harga Pukal	

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
4	Menjalankan kerja-kerja Penatahan bagi Geganti Perlindungan Earth Leakage Relay (ELR) untuk SSB dan MSB. (jika perlu di atas persetujuan Pegawai Inden selaras dengan Peraturan 110(4), Peraturan-peraturan Elektrik 1994 yang mana perlu ditatah sekurang-kurangnya 2 tahun sekali)	1 lot	Harga Pukal	
5	Menjalankan kerja-kerja servicing, pemeriksaan pemasangan dan ujian-ujian operasi sebelum bekalan disambungkan. Semua keputusan ujian yang telah disahkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Inden. (Atas arahan Pegawai Inden)	1 lot	Harga Pukal	
KESELURUHAN JUMLAH BESAR BAHAGIAN ' B '				

RINGKASAN SEBUTHARGA

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN PEPASANGAN ELEKTRIK OLEH ORANG

NO. SEBUTHARGA :

BIL	KETERANGAN	JUMLAH
A	KERJA-KERJA PERMULAAN DAN KEHENDAK AM	
B	PEMERIKSAAN TETAP OLEH ORANG KOMPETEN	
	JUMLAH KESELURUHAN **	

**** Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam**

**** RINGGIT MALAYSIA :**

TANDATANGAN PENTENDER :.....

TARIKH :.....

COP/METERI RESMI:

BORANG I
(Peraturan 68)
KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990
PERAKUAN PEMERIKSAAN

Kepada :

(Pengarah, Ketua Pengarah, Suruhanjaya Tenaga)

BAHAGIAN 1 :	PERICIAN PEPASANGAN
--------------	---------------------

Klien :

Alamat :

Giliran No. :

Voltan :

Ampere :

BAHAGIAN 2:	LAWATAN DAN PEMERIKSAAN
-------------	-------------------------

Saya, orang kompeten yang bertanggungjawab (sebagaimana ditunjukkan oleh tandatangan saya di bawah) untuk melawat dan memeriksa pemasangan dalam bahagian 1, MEMPERAKUI bahawa pemasangan di atas.

yang baginya saya bertanggungjawab dan telah saya lawati dan periksa pada _____
sepanjang yang saya ketahui dan percayai mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 kecuali dan perbezaan, jika ada, yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Perakuan ini.

Pemasangan itu selamat untuk dikendalikan.

Takat liabiliti penandatangan adalah terhad kepada pemasangan yang diperihalkan di atas dalam Bahagian 1 sebagai subjek Perakuan ini.

Untuk Melawat dan Memeriksa Pemasangan :

Nama (Dengan Huruf Besar)

Perakuan Kekompetenan :

.....

Bagi Pihak :

Perakuan Kekompetenan No. :

Alamat :

Tandatangan:

Tarikh :

BAHAGIAN 3 :**KECACATAN DAN PERBEZAAN**

- (1) Perbezaan-perbezaan berikut daripada Peraturan Elektrik 1994 telah dibawa kepada pemakluman dan perhatian pemunya, pengurusan dan pemegang lesen pemasangan secara bertulis bagi pematuhan sewajarnya:
 - (a)
 - (b)
 - (c)
 - (d)
- (2) Kecacatan yang berikut yang kemungkinan menyebabkan bahaya telah di bawa kepada pemakluman dan perhatian pemunya, pengurusan dan pemegang lesen pemasangan secara bertulis supaya dia membetulkan dan membaikinya.
 - (a)
 - (b)
 - (c)
- (3) Kecacatan-kecacatan yang berikut yang kemungkinan menyebabkan bahaya telah diasingkan atau dipindahkan :
 - (a)
 - (b)
 - (c)

NOTA

1. Perakuan Pemeriksaan yang dikehendaki oleh peraturan 68 Peraturan-Peraturan 1994 hendaklah dibuat dan ditandatangani oleh orang kompeten berkenaan dengan lawatan dan pemeriksaan pemasangan.
2. Perakuan ini akan menunjukkan tanggungjawab bagi lawatan dan pemeriksaan pemasangan.
3. Apabila membuat dan menandatangani perakuan bagi pihak syarikat atau entiti perniagaan yang lain, seorang individu hendaklah menyatakan orang yang diwakilinya.
4. Perakuan tambahan mungkin dikehendaki sebagai penjelasan bagi pemasangan yang lebih besar atau rumit.
5. Tandatangan yang diturunkan ialah tandatangan orang kompeten yang diberikuasa oleh syarikat yang melaksanakan lawatan pemeriksaan pemasangan .
6. Nombor muka surat bagi setiap helaian sepatutnya ditunjukkan bersama-sama dengan jumlah bilangan muka surat yang terlibat.
7. Voltan dan ampere yang dinyatakan dalam Bahagian 1 hendaklah daripada voltan sistem bersambung pemunya, tuan punya atau pihak berkuasa bekalan dan jumlah ampere yang digunakan oleh masing-masing pemasangan itu.

**PERAKUAN PENDAFTARAN DENGAN
PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA
(Borang A, A1 & A2)**

JABATAN KERJA RAYA

Perakuan Pendaftaran Dengan Pejabat Suruhanjaya Tenaga

(Untuk Dipenuhi Oleh Semua Kontraktor Elektrik)

Saya penandatangan di bawah ini mengakui bahawa pada masa membuat tawaran ini, syarikat yang tersebut di bawah adalah berdaftar dengan pejabat Suruhanjaya Tenaga dan tidak ditahan/ dibatalkan daripada menjalankan semua atau sebahagian kerja-kerja yang terlibat dalam tawaran ini.

Tandatangan :
(Kontraktor)

Tandatangan :
(Saksi)

Nama Penuh :
.....

Nama Penuh :
.....

Nama Firma :
& alamat
.....
.....
.....

Alamat :
.....
.....
.....
.....

Tarikh :

Borang A

PERAKUAN PEMBORONG ELEKTRIK BAGI ORANG KOMPETEN

Dengan ini saya (*nama pengurus syarikat*):

..... No. K.P.....

daripada (*nama syarikat*)

.....

.....

mengesahkan bahawa Orang Kompeten syarikat kami seperti dinamakan berikut yang akan menyelia, menyiap dan menguji kerja ini (*nama projek*)

.....

.....

.....

Maklumat penuh Orang Kompeten yang dinamakan seperti disenaraikan dalam

(A) Boang A1 (Orang Kompeten yang akan menyelia dan menyiapkan kerja pemasangan) atau

(B) Borang A2 (Orang Kompeten yang akan menguji pemasangan), dan salinan Perakuan Kekompetenannya dilampirkan bersama ini. Skop kerja Orang Kompeten yang baginya Orang Kompeten akan bertanggungjawab adalah mengikut Seksyen 23(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan 12, 13 dan 23(2) Peraturan-Peraturan 1994.

Bil.	Nama Orang Kompeten	Kekompetenan:
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

Saya/kami akan melaporkan kepada pejabat tuan jika ada perubahan Orang Kompeten tersebut.

.....
(Cop & Tandatangan Pemborong Elektrik)

.....
Tarikh

Borang A1

Orang Kompeten Yang Bertanggungjawab Bagi Penyeliaan Dan Penyiapan Kerja
Pemasangan Elektrik Mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 Dan Peraturan-Peraturan Elektrik
1994:

Nama Orang Kompeten:	
No. K.P.:	
Kekompetenan:	* Jurutera Perkhidmatan Elektrik/ Penjaga Jentera/ Pendawai/ Pencatuman Kabel * Potong yang tidak berkenaan
Kategori Perakuan Kekompetenan:	
Sekatan, jika ada	
No. Perakuan Kekompetenan:	
Skop Kerja:	
➤ Salinan Perakuan Kekompetenan disertakan bersama ini. Saya mengakui bahawa skop kerja tersebut yang baginya saya bertanggungjawab di atas akan dijalankan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dan spesifikasi kontrak. (Tandatangan Orang Kompeten) (Tarikh)	

(Nota: Gunakan borang ini bagi setiap seorang Orang Kompeten yang dinamakan dalam Borang A)

Borang A2

Orang Kompeten Yang Bertanggungjawab Bagi Pengujian Pepasangan Elektrik Mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 Dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994:

Nama Orang Kompeten:	
No. K.P.:	
Kekompetenan:	* Jurutera Perkhidmatan Elektrik/ Penjaga Jentera/ Pendawai/ Pencatuman Kabel * Potong yang tidak berkenaan
Kategori Perakuan Kekompetenan:	
Sekatan, jika ada	
No. Perakuan Kekompetenan:	
Skop Kerja:	
➤ Salinan Perakuan Kekompetenan disertakan bersama ini. Saya mengakui bahawa skop kerja tersebut yang baginya saya bertanggungjawab di atas akan dijalankan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dan spesifikasi kontrak. (Tandatangan Orang Kompeten) (Tarikh)	

(Nota: Gunakan borang ini bagi setiap seorang Orang Kompeten yang dinamakan dalam Borang A)

LG – 4
LATARBELAKANG PENTENDER

JABATAN KERJA RAYA

Latar Belakang Pentender.
(Untuk dipenuhi oleh semua Pentender)

ARAHAN KEPADA PENTENDER.

Semua butiran di lampiran hendaklah diisi oleh pentender dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan tendernya.

Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan tender ini ditolak atau / dan mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas pentender berkenaan.

LATAR BELAKANG PENTENDER.

Bahagian A.

1. Nama :.....
2. Alamat :.....
.....
.....
3. Kelas :.....
Tajuk-tajuk kecil :.....
4. Tarikh didaftarkan :.....
5. Jika bertaraf Bumiputera, nyatakan :
Tarikh berkuatkuasa :.....
Tarikh Tamat :.....
6. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. Nyatakan :
 - i. Modal dibenarkan :.....
 - ii. Modal dibayar :.....

A) AHLI-AHLI SYARIKAT.i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

ii). Ahli-ahli Pengurusan.

Nama	Jawatan	Kelulusan Akademik / Iktisas

BAHAGIAN B

Senarai sepuluh (10) kerja yang telah disiapkan.

Nama Projek	Jabatan/ Agensi/ Perunding yang mengawas projek	Harga	Tempoh	Tarikh siap sebenar.

Kerja yang SEDANG dijalankan

Nama projek	Jabatan/Agensi/ Perunding yang Mengawasi Projek	Harga Kontrak	Tempoh Kontrak	Peraturan Kemajuan Semasa (Nyatakan Tarikh)	Ulasan Pegawai yang Menilai Tender**

- Tidak perlu mengisi ruang ini. Ruang ini akan diisi oleh pegawai yang menilai Tender.

Tandatangan Pentender :

Nama Penuh :

Cop Syarikat :

Tarikh :